

**ANALISIS GAMBARAN PERUMPAMAAN TENTANG HARI KIAMAT  
 DALAM JUZUK AMMA**

**ANALYSIS OF THE SIMILE ABOUT THE DAY OF RESURRECTION IN PART  
 OF (JUZUK) AMMA**

Wan Azura Wan Ahmad<sup>i</sup> Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin<sup>ii</sup> & Yuslina Mohamed<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan. wanazura@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600, Pekan, Pahang. fazullah@ump.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan. yuslina@usim.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Hari Kiamat merupakan hari yang digeruni oleh setiap manusia yang mengimani rukun iman yang kelima. Isu hari Kiamat adalah antara isu utama yang dibincangkan dalam al-Quran. Artikel ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang jelas kepada manusia tentang hari kiamat yang ghaib melalui perumpamaan yang nyata di alam dunia. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini menganalisa beberapa keindahan gaya bahasa al-Quran dalam membicarakan persoalan hari Kiamat, gambaran tentang kedahsyatannya serta huru-hara suasana hari tersebut melalui retorik perumpamaan. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dengan analisis hanya beberapa ayat dari surah-surah terpilih dalam Juzuk Amma sebagai contoh serta pendapat ulamak tafsir melalui kitab-kitab tafsir terpilih. Hasil kajian mendapati bahawa</i></p>	<p><i>The Day of Resurrection is the day of fear for every man who believes in the fifth pillar of faith. The Day of Resurrection is one of the main issues discussed in the Qur'an. The article aims to give a clear picture to humans about the day of Resurrection by manifest imagery in the visible world. To achieve this goal, this study analyzes some of the beauty of the Quranic style of language in discussing the issue of the Day of Resurrection, and the description of its dread and the chaos through the simile. This article uses qualitative methods through the analysis of the selected verses from parts in Juzuk Amma as an example as well as the opinion of the scholars through selected exegetical books. The study found that various types of linguistic style and simile have been used by the Qur'an to illustrate the style of the Day of Resurrection such as the complete</i></p>

<sup>1</sup> Corresponding author: Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, Universiti Malaysia Pahang, emel: [fazullah@ump.edu.my](mailto:fazullah@ump.edu.my)

<p>pelbagai jenis gaya bahasa dan perumpamaan telah digunakan oleh al-Quran bagi menggambarkan kegerunan hari Kiamat seperti kehancuran menyeluruh alam semesta dengan penggunaan <i>tashbih mursal mujmal, tashbih baligh</i> dan sebagainya.</p> <p><b>Kata kunci:</b> Hari Kiamat, huru-hara, retorik perumpamaan, gaya bahasa Quran.</p>	<p><i>destruction of the universe with the use of tashbih mujmal, tashbih baligh and so on.</i></p> <p><b>Keywords:</b> Day of Resurrection, chaos, simile rhetoric, Quranic style of language</p>
--	--

## PENDAHULUAN

Perumpamaan (*al-tashbih*) atau simile dalam bahasa Inggeris adalah seni dalam bandingan keserupaan (*the art of likening*). Perumpamaan ditakrifkan sebagai serupa ataupun sama (Abd Aziz Atiq, 1985). Dari sudut istilah ia bermaksud persamaan sesuatu dengan yang lain dalam satu makna atau lebih dengan menggunakan *adawat al-tashbih* (partikel/kata sendi). Terdapat pelbagai takrif bagi perumpamaan dikemukakan oleh sarjana Bahasa antaranya al-Mubarrad (2002), Abd Qahir al-Jurjani (2001), Qudamah bin Jaafar (Ahmad Matlub, 1970), dan lain-lain. Perumpamaan dalam retorik Arab mengandungi 4 rukun iaitu *al-mushabbah* (benda yang ingin disandarkan perumpamaan), *mushabbah bihi* (benda yang ingin disandarkan perumpamaan dengannya), (kedua-duanya dinamakan *tarafai al-tashbih*), *adat al-tashbih* (alat/partikel perupamaan/ kata sendi) serta *wajh al-tashbih* (gambaran bentuk perumpamaan). (al-Qazwini, 1997). *Al-mussabbah bihi* perlu memiliki karakter atau ciri yang lebih baik daripada *al-mushabbah* (al-Qazwiniy, 1997; Hussein Abdul Raof, 2006; Ahmad Pangedoan al-Mandili, 2014; Abdul Aziz Atiq, 1985). Contoh perumpamaan adalah seperti berikut: *Muhamamd berani seperti singa* (محمد كالأسد في الشجاعة)

Terdapat beberapa jenis perumpamaan dalam balaghah Arab iaitu:

Jenis pertama: *al-tashbih al-mufrad* yang dibahagikan kepada dua keadaan iaitu:

1. Berdasarkan *adat al-tashbih*: contohnya *ك/ مثل*
  1. *Mursal* apabila dinyatakan *adat al-tasbih*: *القطار كالريح*
  2. *Muakkad* apabila tidak dinyatakan *adat al-tasbih*: *القطار ريح*
2. Berdasarkan *wajh al-shabah* (keadaan/gambaran perumpamaan)
  1. *mufassal* apabila dinyatakan *wajh al-shabah*: *الخيّل مثل البرق في السرعة*
  2. *mujmal* apabila tidak dinyatakan *wajh al-shabah*: *الخيّل مثل البرق*

*Muakkad mujmal* pula bagi *al-tashbih* yang tidak dinyatakan *adat al-tashbih* dan *wajh al-shabah* contohnya: *القطار ريح*

Jenis kedua: *al-tashbih al-tamthili* atau disebut juga *al-tashbih al-murakkab* (perumpamaan berdasarkan dua keadaan/gambaran serupa).

Contohnya:

الإنسان ينشأ صغيراً ثم يصير شاباً مثل القمر يبدأ صغيراً ثم يصير بديراً

Maksudnya: Keadaan manusia bermula dengan bayi yang kecil kemudian membesar menjadi seorang pemuda begitu juga dengan keadaan bulan yang juga bermula dengan anak bulan sabit yang kecil kemudian membesar menjadi bulan yang penuh. Jenis perumpamaan ini diketahui melalui pemahaman.

*al-Isti'arah* juga berasal dari *al-Tashbih* kerana salah satu *tarfai al-tashbih* (*mushabbah* atau *mushabbah bihi*) dibuang. *al-Isti'arah* bermaksud suatu lafaz yang digunakan bukan pada tempatnya yang asal kerana terdapat persamaan antara *al-mushabbah* dan *al-mushabbah bihi* dengan adanya *qarinah* atau bukti yang mencegah wujudnya makna asal tersebut, contohnya: الأسد بين جنود . Singa yang dimaksudkan di sini adalah askar yang berani.

Peristiwa kiamat digambarkan dengan jelas dalam al-Quran dalam pelbagai surah misalnya, Surat al-Qari'ah(hari kiamat) pada ayat ke-4, 5, 9 dan 1, Surat Az-Zalzalah (goncangan yang dahsyat) pada ayat ke-2 dan 4, Surat an-Naba' (berita) pada ayat ke-17 dan 18, Surat An-Nazi'at (mencabut) pada ayat ke-12, Surat al-Infithar(terbelah) pada ayat ke-19, Surat al-Mutaffifin (kecurangan) pada ayat ke-6, 9 dan 11, Surat Al-Insyiqaq (terbelah) pada ayat ke-4. Imam al-Qurtubiy ada menyebut dalam bukunya beberapa nama bagi hari Kiamat, ialah (al-Qurtubiy: t.tp): Hari Penghabisan (يوم الآخر), Hari Masa (الساعة) Hari Keputusan (يوم الفصل), Hari Perhitungan (يوم الحساب), Hari Berkumpul (يوم الجامع) Hari Penyesalan (يوم الحسرة) Hari (يوم التلاق) Peristiwa Besar Hari Kebangkitan (يوم القارعة) Hari Pertemuan (الساعة). Antara nama Kiamat yang sentiasa disebut oleh al-Quran ialah (الساعة). Nama kiamat ini disebut sebanyak 40 kali dalam al-Quran. Dinyatakan bahawa penamaan sedemikian adalah kerana Allah SWT telah menentukan waktu berlakunya Hari Kiamat secara mutlak. Firman Allah SWT:

﴿وَلِلَّهِ غَيْبُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا أَمْرُ السَّاعَةِ إِلَّا كَلَمْحِ الْبَصَرِ أَوْ هُوَ أَقْرَبُ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾

*Maksudnya: Dan (ingatlah), Allah jualah yang mengetahui segala rahsia langit dan bumi; tiadalah hal kedatangan hari kiamat itu melainkan seperti sekelip mata, atau ia lebih cepat lagi; sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu (al-Nahl: 77)*

Hari Kiamat adalah satu topik utama yang dibincangkan oleh al-Quran. rukun iman yang kelima ini banyak dibincangkan khususnya dalam Juzuk Amma. Beberapa surah dalam Juzuk Amma membicarakan soal akidah umat Islam ini telah mengupasnya dalam gaya bahasa yang sangat unik. Secara psikologi, faktor semulajadi dan kepercayaan masyarakat Jahiliyyah yang mempercayai Tuhan yang dapat dilihat, disentuh dan berinteraksi secara langsung seperti berhala, menyukarkan penyampaian sesuatu topik yang abstrak terutamanya hal-hal yang berkaitan dengan konsep keimanan. Kajian ini akan mengupas metode yang digunakan oleh al-Quran dalam menerangkan keadaan huru-hara hari Kiamat

melalui ilmu retorik perumpamaan dan gambaran di samping keunikan gaya bahasa al-Quran yang tersendiri.

Tujuan perihal hari kiamat didatangkan dalam bentuk simile adalah supaya dapat mendekatkan peristiwa tersebut dengan pengalaman sehingga manusia mudah memahaminya dan menjadi beriman serta bertambah imannya kepada kewujudan hari akhirat. (Hanik Mahliatussikah, 2004)

## KAJIAN LEPAS

Juzuk Amma merupakan juzuk ke 30 dalam susunan al-Quran. Juzuk ini mengandungi 37 surah, dimulai dengan Surah *al-Naba'* dan diakhiri dengan Surah *al-Nas*. Hari Kiamat merupakan salah satu topik utama yang dibincangkan oleh al-Quran dan merupakan antara ikjaz al-Quran mengenai perkara-perkara ghaib. Buku yang banyak mengupas hal huru-hara hari kiamat secara terperinci adalah buku *Mashahid Yaum al-Qiyamah* karangan Sayyid Qutb. Antara kajian ilmiah yang membicarakan perihal kiamat dan keindahan gaya bahasa pemerihalhan huru hara tersebut ialah tesis sarjana bertajuk *Manhaj al-Quran fi Ard Yaum al-Kiamat Juz Amma Namuzajan* oleh Rabi'atul Adawiyah Mohamad.

*Perumpamaan* atau (al-tashbih) merupakan salah satu cabang ilmu retorik *al-Bayan*. Gaya bahasa al-Quran terutamanya dari sudut retorik telah dibincangkan oleh sarjana Islam terdahulu dan keindahan bahasa al-Quran ini dimuatkan dalam buku seperti *Kitab al-Badi'* oleh Ibn al-Mu'taz, *Tafsir ibn Asyur*, *Tafsir al-Kasshaf* of al-Zamakhshari *Dala'il al-Ijaz* dan *Asrar al-Balaghah* oleh Abd al-Qahir al-Jurjani, *Majaz al-Qur'an* of Abi 'Ubaydah Ma'mar al-Muthanna, *Ma'ani al-Qur'an* oleh Abi Zakariyya al-Farra', *Ta'wil Mushkil al-Qur'an* oleh Ibn Qutaybah, *Tafsir Mafatih al-Ghayb* oleh al-Fakhr al-Razi, *Tafsir fi Zilal al-Qur'an* dan *al-Taswir al-Fanni fi al-Qur'an* oleh Sayyid Qutb. Ikjaz al-Quran juga turut dibincangkan oleh sarjana seperti al-Khattabi, al-Rummani and al-Wasiti. Buku-buku dan kitab-kitab tafsir ini bukan sahaja membicarakan keindahan bahasa al-Quran, malah turut mengupas ikjaz al-Quran seperti ikjaz dari sudut bahasa dan juga perkara-perkara ghaib yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar manusia justeru perumpamaan dan gambaran digunapakai. Buku-buku yang disebutkan di atas membuktikan bahawa persoalan ini telah ditulis secara meluas oleh para sarjana. Selain itu, *Tafsir Juzuk Amma* oleh Fahd Nasir Sulaiman, tesis oleh Nazri Atuh bertajuk *Istikhdam al-tashbih fi Suwari Yaum al-Qiyamah fi Surah al-Qari'ah* turut membicarakan fenomena yang menggambarkan kemusnahan di hari kiamat dengan kemusnahan alam cakerawala, *biah* atau alam sekeliling seperti bukit-bukau, gunung-ganang, bulan bintang dan matahari, kupu-kupu serta bulu.

Retorik al-Quran dan perumpamaannya merupakan jenis seni retorik yang paling tinggi mutunya dan hal ini terbukti dengan kegagalan masyarakat Arab yang terkenal dengan kebolehan sastera gagal untuk mendatangkan satu surah malah walaupun satu ayat seindah dan sesempurna ayat al-Quran. Perumpamaan

yang digunakan oleh Allah dalam al-Quran benar-benar hampir dengan jiwa manusia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metod kajian ialah kajian kepustakaan dengan meninjau bahan berkaitan dari ayat-ayat Quran, buku-buku tafsir, serta kajian-kajian yang lepas seperti tesis dan artikel jurnal. Kajian tertumpu kepada kupasan ayat-ayat bertemakan hari kiamat yang mengandungi retorik perumpamaan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian mendapati bahawa gaya bahasa al-Quran memang bertepatan dengan makna dan kehendak sesuatu ayat dan surah yang dipersembahkan tambahan pula penceritaan mengenai hari Kiamat adalah sesuatu yang abstrak dan agak sukar dizahirkan kecuali dengan keunikan gaya bahasa al-Quran itu sendiri. Retorik al-Quran pula adalah faktor penting yang membantu menerangkan makna tersirat dan tersurat dalam isu berkaitan Hari Kiamat.

Dalam konteks perumpamaan, didapati bahawa perumpamaan dalam al-Quran mempunyai kesan yang besar terhadap pemahaman makna para pembaca disamping faktor lain seperti pentarbiyahan, keimanan, dalam gaya bahasa yang memberi kesan yang mendalam dan gambaran sebenar kejadian serta dapat memuaskannya hati para pembaca (Nuramalina Muhammad Zamri, 2018).

Pemilihan alam semulajadi sebagai simbol bermulanya kiamat didapati mendatangkan impak yang cukup besar dalam jiwa orang yang beriman kerana kemusnahan ini benar-benar mendatangkan kegerunan seterusnya menyedarkan manusia mengenai soal perhitungan amal ke alam abadi.

## **PERBINCANGAN**

### **Retorik perumpamaan dan peristiwa Hari Kiamat dalam Juzuk Amma**

Terdapat beberapa ayat yang membicarakan hari Kiamat dalam Juzuk Amma. Surah yang terbanyak membicarakan hari Kiamat ialah Surah al-Takwir, al-Infitor, al-Insyiqaq, Zalzalah dan al-Qariah. (Rabiatul Adawiyah: 2005). Surah-surah ini mengandungi keindahan gaya bahasa serta nilai retorik yang tinggi. Pengkaji mendapati beberapa seni retorik Arab digunakan dalam membicarakan soal Kiamat dalam surah-surah pendek Juzuk Amma terutamanya ilmu al-badi' (Wan Azura, 2016). Melalui statistik ayat *al-tashbih* dalam juzuk Amma didapati tidaklah banyak dan hanya terdapat dalam beberapa ayat sahaja, (Mukhaimar, 2005) (hal ini kerana surah-surah pendek lebih menekankan ilmu al-Badi'), (Wan Azura WA, 2016), namun gambaran yang diterangkan oleh al-Quran dalam isu hari kiamat dalam bentuk *al-tashbih* ini cukup memberi impak yang besar terhadap pemahaman seterusnya keyakinan manusia terhadap berlakunya peristiwa ini.

Balaghah Arab terbahagi kepada tiga cabang ilmu iaitu *al-Ma'ani*, *ilmu al-Bayan* dan *Ilmu al-Badi'*. *Al-tashbih* tergolong dalam *ilmu al-Bayan* (al-Qazwiniy: t.th;

1997). Ilmu *al-bayan* juga memainkan peranan penting dalam menerapkan akidah tauhid dan keimanan terhadap hari kebangkitan. Dalam perbincangan seterusnya pengkaji akan membincangkan bagaimana *perumpamaan* digunakan dalam menerangkan keadaan huru-hara hari kiamat mengikut surah-surah juzuk Amma yang terpilih. Disamping *al-saj*, perumpamaan juga memainkan peranan penting dalam menzahirkan situasi sebenar malapetaka besar ini.

### 1) Manusia seperti kupu-kupu berterbangan

Manusia diumpamakan seperti kupu-kupu yang bertebaran pada hari Kiamat berlaku. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam Firman Allah Taala dalam Surah al-Qariah surah ke 101, ayat 4.

﴿يَوْمَ يَكُونُ النَّاسُ كَالْفَرَاشِ الْمَبْتُوثِ﴾

Maksudnya: *Pada hari itu manusia seperti kupu-kupu yang berterbangan*

Pada ayat ini digambarkan ketika hari kiamat, manusia dibandingkan dengan kupu-kupu secara perumpamaan (menggunakan penanda perbandingan secara eksplisit). Ini adalah tahap pertama dalam peristiwa hari kiamat. Terjadi perubahan yang menyeluruh dalam sistem dan hukum alam semesta, lalu terjadilah alam akhirat yang memiliki ciri-ciri khas yang tidak mungkin dapat kita ketahui secara terperinci. Contoh ini juga mengandungi majas perbandingan.

Gambaran manusia seolah-olah kupu-kupu yang bertebaran adalah satu gambaran yang *melampau* atau dalam Bahasa Arab disebut *al-mubalaghah*. Menurut al-Zarkashi (1972), *al-mubalaghah* ialah menyandarkan sesuatu sifat yang kekal bagi sesuatu kemudian menambahkan sifat tersebut atau mengurangkannya secara berlebihan sehingga hal yang sedemikian tidak pernah didengari manusia atau tidak dapat digambarkan atau diterima akal. Gambaran secara berlebihan atau *al-mubalaghah* ini adalah bertujuan untuk menanamkan dalam diri manusi sifat gerun dan dahsyatnya hari ini. Bantuan gambaran dengan fenomena dalam bentuk alam semulajadi yang dekat dengan manusia mampu mendatangkan gambaran sebenar terhadap peristiwa yang akan berlaku tersebut.

Menurut Perkataan *كَالْفَرَاشِ* menggunakan huruf “syin” dan “ta” yang mempunyai makhraj yang hampir atau berdekatan anatara satu sama lain menyebabkan rasa berat untuk dituturkan oleh lidah dan hal ini menurut Hanik Mahliatussikah (2004) menunjukkan bahawa peristiwa ini adalah peristiwa berat dan mengerikan.

## 2. Bukit-bukau dan gunung-ganang seperti bulu-bulu yang berhamburan

Dalam surah al-Qariah, Firman Allah Taala pada ayat 5:

﴿وَتَكُونُ الْجِبَالُ كَالْعِهْنِ الْمَنْفُوشِ﴾

Maksudnya: *Dan gunung-gunung seperti bulu yang dihambur-hamburkan*

Contoh di atas tentang *majaz* perbandingan. Pada ayat ini digambarkan ketika hari kiamat, gunung-gunung dibandingkan dengan bulu secara perumpamaan (menggunakan penanda perbandingan secara eksplisit). Penjelasan ayat ini juga sama dengan ayat sebelumnya yang menceritakan tentang gambaran tahap pertama dalam hari kiamat.

Menurut Kamus Dewan, perbandingan eksplisit ialah (dinyatakan dengan tepat dan jelas, tanpa dikias-kias. (Kamus Dewan Edisi keempat, prpm.dbp.gov.my). Pada pendapat pengkaji, al-Quran memilih jenis perumpamaan ini kerana ia lebih dekat dengan jiwa manusia dan lebih jelas dari sudut mata kasar mereka.

## 3. Gunung-ganang seperti hampan

Gambaran seterusnya adalah gunung-ganang diumpamakan sebagai hampan. Firman Allah swt dalam surah, Surah al-Takwir, ayat ke 3:

﴿وَإِذَا الْجِبَالُ سُيِّرَتْ﴾

Maksudnya: *Dan apabila gunung-ganang dihancurkan.*

Dalam ayat ini jelas menunjukkan kepada kita keadaan bukit dan gunung-ganang di hari Kiamat yang runtuh dari pasakkannya dan tinggalah muka bumi ini ditinggalkan menjadi seperti satu barisan tiada apa yang tinggal (Ibn Kathir, 1994). Gunung-ganang yang gagah selama ini yang menjadi tunjang kekuatan permukaan bumi akan dijadikan Allah swt sebagai barisan yang rata yang hancur lebur dan bertaburan serta berterbangan. Seandainya sudah tiada lagi tiang sebagai pasakan bagi permukaan bumi dan perut bumi memaut, sudah tentu tanah tempat berpijaknya makhluk akan menjadi semakin goyah. Bukti bahawa gunung-ganang adalah pasak bumi, firman Allah Taala, Surah al-Naba' ayat 6 dan 7:

﴿أَلَمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ مِهَادًا. وَالْجِبَالَ أَوْتَادًا﴾

Maksudnya: *Bukankah kami telah menjadikan bumi itu sebagai hampan? Dan gunung-ganang sebagai pasak?*

Antara sebab diciptakan gunung-ganang adalah untuk menjadikan pasakan bumi, bumi menjadi kuat dan tidak bergoyang, tidak bergerak dan

bergoncang dari bawah yang menyebabkan kita berasa tidak tenang menjalani kehidupan dan meraih rezeki, atau lebih senang dikatakan bahawa tidak mungkin hidup dimuka bumi. (Syaikh Mahir Ahmad Ash-Shufi, 2012). Seandainya pasak ini musnah, maka tiada apa lagi yang tinggal di atas muka bumi yang mampu bertahan.

4. Gambaran hari kiamat seperti unta bunting yang dibiarkan tuan tidak terurus.

Hal ini dinyatakan Allah dalam Firmannya :

أوَإِذَا الْعِشَارُ عُطِّلَتْ

Maksudnya: *dan apabila unta-unta yang bunting ditinggalkan tidak terurus*

Kebiasaan tempoh unta bunting adalah selama 10 bulan, dan justifikasi kenapa al-Quran menyebut unta yang bunting adalah kerana bangsa Arab sangat mengambil berat unta-unta mereka yang bunting kecuali ketika berlaku hari Kiamat (al-Qurtubi, 1372 H). Apa yang dimaksudkan meninggalkan unta ini menurut Ubai bin Ka'ab ialah pemiliknya meninggalkan binatang ternakan kesayangan ini tanpa tanpa jagaan mahupun makanan dan minuman, kerana terlalu terkejut dan takutnya dengan kedahsyatan hari Kiamat dan sibuknya manusia dengan diri sendiri di waktu itu. Hal serupa juga dinyatakan oleh al-Rabi' bin Haytham, Mujahid dan Qatadah (al-Tabariy,1984).

5. **Bumi digambarkan sengsara sehingga mengeluarkan sendiri isi perutnya**

Hal ini dijelaskan dalam surah al-Zalzalah ayat 1:

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا

Maksudnya: *apabila bumi digoncangkan dengan guncangan yang dahsyat Dan bumi mengeluarkan beban-beban perut yang dikandungnya*

Dalam ayat ini digambarkan bahawa bumi begitu huru-hara, penuh gegak gempita sehinggakan gunung-ganang bertaburan sehinggalah isi perut bumi yang terdiri dari mayat manusia dan khazah perut bumi juga terhambur keluar. Hal ini demikian kerana bumi sudah tidak mampu menanggung isi perutnya (Wan Azura, 2014). Ibn Abbas menyatakan bahawa guncangan bumi ini merupakan guncangan yang amat kuat sehingga bertimpa bumi antara satu sama lain, maka musnahlah semua pokok-pokok, gunung-ganang dan bangunan-bangunan (al-Fairuz Abadi,t.t). Dalam buku *Mashahid Yaum al-Qiyamah* karangan Sayyid Kutub (t.t) menggambarkan kedahsyatan ini dengan menyatakan bahawa pergolakan bumi ini diumpamakan sebagai seorang manusia yang hidup, bercakap dan bertanya



apakah yang sedang berlaku ke atas dirinya, namun sebagai makhluk ia tetap akur dan taat kepada pencipta yang maha mentadbir yang memusnahkannya.

Kajian hari ini oleh Mansur Muhammad Hasab al-Nabi (1981) membuktikan bahawa *ikjaz al-ilmi* bagi ayat ini jelas dapat dilihat dengan penemuan saintifik terkini yang menyatakan bahawa bumi sudah tidak berdaya menanggung beban yang begitu berat dalam perutnya yang terdiri dari besi dan nikel dalam tahap ketinggian suhu 5000 darjah celcius dengan tekanan udara 4.1 juta seolah-olah bumi ini sebuah neraka semulajadi yang membara di dasar lautan dan bandar raya kita, dan kita kini berdiri di belakang sebuah lombong yang besar yang akan meletup pada bila-bila masa untk menghancurkan seluruh isi bumi dengan blok batu panasnya sehingga mencecah beribu billion billion tan.

## PENUTUP

Hari Kiamat merupakan gambaran ilmu gahib mengenai huru-hara dan kehancuran kehidupan manusia dan alam, seterusnya kebangkitan dan perhitungan. Selain itu, kepelbagaian sinonim yang diberikan oleh Allah kepada nama Kiamat itu sendiri seperti “hari kebangkitan”, “hari pembalasan” dan sebagainya jelas menunjukkan situasi dan gambaran suasana malapetaka itu sendiri. Dalam menerangkan isu yang berbentuk abstrak ini, ilmu retorik seperti perumpamaan atau *al-tashbih* memainkan peranan penting kerana melalui seni ilmu ini gambaran fenomena kiamat yang abstrak dapat dijelaskan dengan lebih jelas dan terperinci. Bulu dan kupu-kupu yang digambarkan bertebaran pada kejadian dahsyat tersebut menandakan kekuasaan Allah yang bisa menghancurkan gunung dan bangunan tinggi yang gah sehancur-hancurnya sehingga menjadi sekecil-kecil zarah. Walaupun *al-tashbih* dalam juzuk Amma tentang hari kiamat tidaklah sebanyak *al-saj (rima akhir sekata)*, namun gambaran ini penting untuk dikupas bagi memudahkan kefahaman dan menambahkan tahap keimanan manusia terhadap peristiwa dahsyat tersebut secara nyata.

## PENGHARGAAN:

Makalah ini merupakan sebahagian dari projek Penyelidikan USIM Short term Grant (USTG) yang dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di bawah kod penyelidikan PPP/USG-0215/FPBU/30/15915.

## RUJUKAN

al-Quran al-karim

Abd Aziz Atiq. (1985). *Ilm al-Badi'*. Beirut: Dar al-Nahdah.

Ahmad Matlub. (1970). *Funun Balaghiyyah al-Bayan wa al-Badi'*. Kuwait: Dar al-Buhuth al-Ilmiyyah.

Ahmad Pangedoan al-Mandili. 2014. *al-Balaghah al-Arabiyyah*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

- al-Fairuzabadi, Majd al-Din Muhammad bin Yaakub. (t.th). *Tanwir al-Miqyas min Tafsir Ibn Abbas*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Jurjani, Abd Qahir bin Abd Rahman. (2001). *Asrar al-Balaghah fi Ilm al-Bayan*. Beirut: Dar al-Kutb al-Ilmiyyah. Ed 1.
- al-Mubarrad, Abu al-Abbas Muhamamd bin Yazid. 2002. *al-Kamil fi al-Lughah wa al-Adab*. T.t. Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- al-Nabiy Mansur Muhamam Hasab. (1981). *Al-Ahdas al-Kauniyyah fi Dau'I al-Ikjaz al-Ilmiy lil Quran, Majalh al-Azhar*. Vol 5. (53). Page 851
- al-Qazwiniy, Jalaluddin Muhammad bin Abdul Rahman (1997). *Al-Talkhis Fi Ulum al-Balaghah*. Abdul Hamid al-Handawi. (pyntg) Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Qurtubiy, Shamsuddin Abu Abdullah Muhammad bin Abu Bakar bin Farah, (1372 H). *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Ahmad Abdul Alim al-Barduni (pnyg). Kaherah: Dar al-Sha'ab. Ed 2
- al-Qurtubiy, Shamsuddin Abu Abdullah Muhammad bin Abu Bakar bin Farah. (t.tp). *Yaum al-Faza' al-Akbar, mashahid Yaum al-Qiyamah wa Ahwaluha*. Muhammad Ibrahim Salim (pyntg). Kaherah: Maktabah al-Quran.
- al-Tabariy, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabariy. (1984). *Jami' al-Bayan An Ta'wil Ay al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Zamakhshari. Abu al-Qasim Mahmud bin Umar. 1996. *Tafsir al-Kasshaf An Haqaiq al-Tanzil wa Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- al-Zarkashi, Badruddin Muhammad bin Abdullah. *Al-Burhan fi Ullum al-Quran*. Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim. (pnyg). Beirut: Maktabah al-Asriyyah.
- Hanik Mahliatussikah. *Penggunaan Gaya Bahasa Perbandingan dalam ayat0ayat al-Quran tentang hari Kiamat*. Jurnal Bahasa dan seni. Vol 32 (2). Ogos 2004. Pg 175-189.
- Hussein Abdul Raof. 2006. *Arabic Rhetoric, A Pragmatic Analysis*. Oxon, New York, USA and Canada: Routledge the Taylor and Francis Group.
- Ibn Abi Isba' al-Misriy, Abd al-Azim bin Abdul Wahidbin Zafir bin Abdullah. (1963). *Tahri al-Tahbir Fi Sina'ati al-Shi'ir wa al-Nasr wa Bayan ikjaz al-Quran*. Hafni Muhammad Sharf (pyntg). Kaherah: Lujnah Ihya al-Turath al-Arabiy.
- Ibn Kathir Imaduddin Abu al-Fida' Ismail bin Kathir al-Qurshi. 1994. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Ed Abdul Qadir al-Arna;ut. Damsyik: Dar al-Fayha; Ed 1.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukaram. (1990). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadir. Ed.1. Vol 2.
- Ibrahim Mahmud Allan. (2002). *Al-Badi' fi al-Quran al-karim, Anwa'uhu wa wazho'ifuhu*. Imarat Arabiyyah Muttahidah. Dairah al-Thaqafah wa al-Iklam. Ed 1.
- Kamus dewan. Edisi keempat. <http://www.Prpm.dbp.gov.my> > (diakses pada 20 Mac 2019).
- Mukhaimar Soleh. 20015. *Mu'jam al-Asalib al-Balaghiyyah fi al-Quran al-Karim*. Irbid, Jordan: Dar al-Kitab al-Thaqafiy.
- Nuramalina Muhammad Zamri. 2018. *Qadiyyah Yaum al-Kiamat fi al-Quran al-Karim* (projek ilmiah yang tidak diterbitkan). Nilai: Universiti Sains Islama Malaysia.
- Rabiatul Adawiyah Mohamad. (2005). *Manhaj al-Quran fi Ard Ahwal Yaum al-Qiyamah, Juzuk Amma Namuzajan*. Tesis sarjana. Kuala Lumpur. Universiti Islam Antarabangsa.
- Sayyid Qutb.(t.th). *Masyahid Yaum al-Qiyamah*. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Syaikh Mahir Ahmad Ash- Shufi. 2012. *Tanda-tanda Kiamat Kecil dan Besar*. Jakarta:

Ummul Qura.

- Wahbah al-Zuhaili. (2001). *Tafsir al-Munir*, Juzuk Amma. Persatuan Ulama Malaysia. Selangor: Intel Multimedia and Publication.
- Wan Azura Wan Ahmad. (2014). *Qadiyyat Zilzilal al-Ard Yaum al-Qiyamah Bayna al-Ikjaz al-Ilmi wa Sir al-Ikjaz al-Balaghiy: Dirasah Tahliliyah Balaghiyyah Fi Surah al-Zalzalal*. Jurnal Ulum Islamiyyah. Vol 13. (Special Edition). Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia. pg 210-232.
- Wan Azura Wan Ahmad. (2016). *Fan al-Badi' fi Juz'ai Tabarak wa Amma; Dirasah Tahliliyyah Balaghiyyah*. Tesis Ph.D (tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*